



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

18 JUN 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **199 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **67,177 kes**. Enam (6) kes kematian direkodkan hari ini masing-masing satu kes di daerah Sandakan, Kunak, Putatan, Papar, Lahad Datu dan Kota Belud. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 253 menjadikan jumlah kumulatif 64,354 orang. Seramai 1,856 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 512 orang di hospital, 1,342 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 82 orang dan 26 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod bertukar dari zon kuning ke zon jingga manakala daerah Kuala Penyu bertukar dari zon jingga ke zon kuning

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
 - Zon Jingga tiga (3) daerah
 - Zon Kuning lima (5) daerah
 - Zon Hijau satu (1) daerah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 49 kes iaitu daripada 248 kes semalam (17 Jun 2021) kepada 199 kes (18 Jun 2021).
- ii Daripada 199 kes jangkitan baharu hari ini, 91 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 61 kes adalah daripada saringan kluster, 27 kes adalah daripada saringan bergejala, lima (5) kes daripada saringan bersasar dan 15 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 12 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala lima (5) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Papar (-36), Kota Belud (-20), Tuaran (-14), Sandakan (-11) dan jumlah kes positif Covid-19 di Kota Kinabalu hari ini adalah 36 kes (-24) dengan lima (5) kes daripada *Kluster Ocean Blue* (kumulatif kes setakat ini sebanyak 186).
- iv Walau bagaimanapun, 10 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan tujuh (7) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala tiga (3) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kinabatangan 25 kes (+25), Putatan 16 kes (+13) dan Nabawan 15 kes (+10). Daerah Beaufort kekal catatan kes baharu sebagaimana hari kelmarin iaitu dengan sembilan (9) kes.
- v Pada hari ini, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Kalabakan, Pitas, Kota Belud, Ranau, Tuaran, Kuala Penyu dan Tenom.
- vi Ringkasan data pada hari ini ialah (12) daerah mencatatkan penurunan, (10) daerah mencatatkan peningkatan, satu (1) daerah mencatatkan pengekalan kes seperti semalam, (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes dan satu (1) daerah kekal sebagai Zon Hijau hingga kini.
- vii Kesimpulan terbaik yang boleh dibuat hasil daripada perubahan angka yang tidak statik selain daripada catatan 91 kes hasil Saringan Kontak Rapat ialah, masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan.

viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Pintas - Lingkudau - Keningau, Tambunan** merupakan kluster di tempat kerja. Kluster ini melibatkan Mukim Lingkudau, Luagan dan Patikang di Daerah Keningau dan Mukim Sunsuron di Daerah Tambunan. Kes indeks adalah pegawai eksekutif wanita, 34, di syarikat bekalan elektrik di Keningau yang disahkan positif ujian RTK-Ag melalui saringan bergejala di Poliklinik TMC, pada 15 Jun 2021. Susulan kes itu, saringan kontak yang dijalankan terhadap 82 individu berjaya mengesan dua (2) kes positif RTK-Ag dalam kalangan kontak rapat di tempat kerja oleh Pusat Saringan PKS IPG Keningau pada 16 Jun 2021. Pada hari berikutnya, enam (6) lagi kes positif dilaporkan merangkumi satu (1) kes hasil saringan kontak rapat di Poliklinik TMC dan lima (5) kes positif kontak rapat melalui aktiviti lapangan oleh Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau. Turut dikesan, satu (1) kes positif RTK-Ag yang dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Tambunan pada hari yang sama, menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak 10 kes. Berdasarkan maklumat, ruang tempat kerja yang sempit dipercayai menjadi punca penularan jangkitan. Aktiviti pengesanan dan saringan kontak rapat serta penyiasatan punca penularan masih giat dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,208 unit

- Hospital 722 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 44.11%.

B POS KAWALAN MARIN DI PKPD KINARUT

- 1 Bagi memastikan kawalan penularan COVID-19 dibendung ke tahap maksimum, Pasukan Gerakan Marin PDRM mendirikan pos kawalan di Kuala Sungai Kinarut untuk memantau pergerakan bot di kawasan PKPD Kg Gusi dan Skim Penempatan Kinarut.
- 2 Bermula 18 Jun 2021, pos kawalan yang beroperasi 24 jam sepanjang tempoh PKPD itu bertujuan menyekat sebarang cubaan keluar menggunakan jalan air oleh penduduk di kawasan yang dikenakan PKPD.
- 3 Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Polis Kontinjen Sabah atas pelaksanaan pos kawalan tersebut.

C PKPD GRACE VILLA CONDO, SEMBULAN, KOTA KINABALU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah.
- 2 Sejak 13 Jun sehingga 16 Jun 2021, KKM mendapati berlaku peningkatan apabila lapan (8) kes telah dikesan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, berkuat kuasa 20 Jun sehingga 03 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bagi membolehkan KKM menjalankan saringan komuniti, mengesan dan mengasingkan kes baru serta melakukan pengesahan kontak dengan berkesan.

- D PKPD PPRT KAMPUNG PASIR PUTIH, PUTATAN**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Pasir Putih, Putatan, Sabah.
 - 2 Sehingga kini, sembilan (9) kes positif COVID-19 telah dikesan dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.
 - 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPRT Kampung Pasir Putih, Putatan berkuat kuasa 20 Jun sehingga 03 Julai 2021 selaras dengan keputusan kerajaan Persekutuan.**
 - 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

- E PELANJUTAN PKPD KAMPUNG GUSI KINARUT, PAPAR**
- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.
 - 2 Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 346 ujian saringan dan 141 daripadanya disahkan positif COVID-19.
 - 3 Pada masa sama, KKM mendapati penularan masih berlaku, terdapat juga kes baharu direkodkan dalam kalangan komuniti dan masih banyak sampel ujian saringan belum mendapat keputusan.
 - 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Gusi Kinarut, Papar bermula 20 Jun sehingga 03 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

F PELANJUTAN PKPD KAMPUNG PERPADUAN, PULAU BANGGI, KUDAT

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 107 ujian saringan dan 26 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapati penularan masih berlaku, terdapat juga kes baharu direkodkan dalam kalangan komuniti dan masih banyak sampel ujian saringan belum mendapat keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah bermula 20 Jun sehingga 03 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

G PENAMATAN PKPD TAMAN WAWASAN, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wawasan, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 133 ujian saringan dan 21 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Wawasan, Tawau pada 18 Jun 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

H PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI PAPAR

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Papar, yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.
- 2 Kedua-dua lokaliti itu ialah:
 - Kampung Tengah Kinarut
 - Kampung Benoni
- 3 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 124 ujian saringan di Kampung Benoni dan 17 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 manakala di Kampung Tengah Kinarut, sebanyak 16 kes positif direkodkan hasil daripada 35 saringan di lokaliti ini.
- 4 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 5 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 19 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan kerajaan Persekutuan.

I PENAMATAN PKPD TAMAN WANGSA, JALAN TELIPOK, KOTA KINABALU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 425 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapat terdapat tren penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu pada 19 Jun 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

J PENAMATAN AWAL PKPD JALAN BUDI SRI TANJUNG, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Budi Sri Tanjung, Tawau yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 36 ujian saringan dan 10 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Jalan Budi Sri Tanjung, Tawau pada 19 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persikutuan.

K PENAMATAN AWAL PKPD TAMAN PELANGI, SEMPORNA

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Pelangi, Semporna yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 71 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya dilaporkan positif COVID-9.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Pelangi, Semporna pada 18 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan Keputusan Kerajaan Persekutuan.

L STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **278** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,041** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **99** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,295** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **12,187** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **233,065** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **4,185** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **64,087** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 18,474 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 762,026 (mysejahtera 695,318 : laman wed 66,455 : talian vaksinasi 253) bersamaan 47.2%

M BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **367,231** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

N LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 167 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 63,916 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 590 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 76 hebahan melalui kereta peronda dengan satu (1) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 67 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 20 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - Satu (1) orang : Premis beroperasi lebih masa/tanpa kebenaran.

- Empat (4) orang : Aktiviti terlarang
 - Sembilan (9) orang : Membawa penumpang berlebihan.
 - 18 orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah
 - 14 orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan QR Kod Dan Buku Pendaftaran
 - Satu (1) : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri pelanggan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 52 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 30 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah.
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,548 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak lapan (8) notis dikeluarkan iaitu tiga (3) di Nabawan, dua (2) di Sandakan dan tiga (3) di Sipitang.
 - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 235 premis perniagaan dan 48 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan kepada individu dan premis. 50 anggota penguatkuasa terlibat dengan agihan bakul makanan di PKPD Kg Rampayan, Manggatal dan PKPD Kg Kionsom Kecil, Inanam.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 368 lokasi melibatkan seramai 191 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 74 anggota di 98 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 12 premis, melibatkan lima (5) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 178 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan

- Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 131 hebahan di seluruh Sabah.
- O **KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**
- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **93.9%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:
- | BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Beluran | 94.5% |
| 2 | Tenom | 94.5% |
| 3 | Sipitang | 94% |
| 4 | Kunak | 94% |
| 5 | Kinabatangan | 94% |
| 6 | Ranau | 94% |
| 7 | Keningau | 94% |
| 8 | Beaufort | 94% |
| 9 | Kota Kinabalu | 94% |
| 10 | Penampang | 94% |
| 11 | Kota Marudu | 94% |
| 12 | Semporna | 94% |
| 13 | Lahad Datu | 94% |
| 14 | Tawau | 94% |
| 15 | Kota Belud | 94% |
| 16 | Tuaran | 94% |
| 17 | Papar | 93.5% |
| 18 | Sandakan | 93.5% |
| 19 | Kudat | 93% |
- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**